

05 JUL 1997

MAJLIS TERTINGGI UMNO MULA BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno mengadakan mesyuarat bulanannya pagi ini dan dipercayai membincangkan tiga perkara yang menyentuh disiplin parti dan perkembangan di bahagian Hulu Selangor.

Tiga perkara itu ialah pergaduhan di cawangan Umno Batu Berendam, Melaka, lawatan Pemuda Umno Bahagian Kemaman ke Eropah baru-baru ini dan peletakan jawatan 13 anggota jawatankuasa Pemuda Umno Hulu Selangor.

Ini merupakan kali kedua mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pemangku Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti selama dua bulan.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik dijangka akan mengemukakan cadangan supaya jarak waktu antara mesyuarat perwakilan Umno bahagian dan perhimpunan agung parti disingkatkan bagi mengurangkan masa berkempen dan politik wang. --BERNAMA

JM oba